



28 November 2012
28 November 2012
P.U. (A) 422

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2012

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2012.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 Julai 2010 dan hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada perenggan 3.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“dilakukan” mempunyai erti sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 Akta;

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” erti suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Disemak – 1989) [*Akta 397*];

“orang yang layak” erti—

(a) suatu pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] sebelum 14 Julai 2010 atau suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) bermastautin di Malaysia;

(c) berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan telah mematuhi terma dan peraturan yang ditentukan oleh Menteri di bawah

Akta Pendidikan 1996 untuk menjalankan perniagaan sekolah antarabangsa; dan

- (d) diluluskan oleh Menteri;

“pendidikan pra-sekolah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“perbelanjaan modal yang layak” ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan oleh orang yang layak bagi maksud perniagaan sekolah antarabangsa—

- (a) berhubung dengan suatu sekolah baharu yang memulakan perniagaannya selepas permohonan yang disebut dalam subperenggan 3(a), atas bangunan, loji atau jentera yang digunakan di Malaysia yang berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan pengajaran dan latihan dalam suatu sekolah antarabangsa; atau
- (b) berhubung dengan suatu sekolah yang sedia ada yang memulakan perniagaannya sebelum permohonan yang disebut dalam subperenggan 3(a), atas bangunan, loji atau jentera yang digunakan di Malaysia yang berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan pengajaran dan latihan dalam suatu sekolah antarabangsa bagi memperbaik kemudahan sekolah yang sedia ada atau apa-apa pelaburan baru di lokasi selain sekolah yang sedia ada:

Dengan syarat bahawa perbelanjaan modal yang layak itu tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman, loji dan jentera yang diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi anggota pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian;

“sekolah antarabangsa” ertinya suatu sekolah yang bukan sekolah kerajaan yang menyediakan pendidikan pra-sekolah hingga program A-Level tetapi tidak termasuk sekolah yang menyediakan pendidikan pra-sekolah semata-mata;

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

Pemakaian

3. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) orang yang layak yang telah membuat permohonan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 14 Julai 2010 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2015; dan
- (b) perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dari tahun taksiran 2010.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan sekolah antarabangsa di Malaysia yang bersamaan dengan amaun elaun yang ditentukan dalam subperenggan (2).

(2) Amaun elaun yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah—

- (a) pada kadar seratus peratus perbelanjaan modal yang layak; dan
- (b) diberi berkenaan dengan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran bagi suatu tempoh lima tahun bermula daripada suatu tarikh yang ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(3) Pengecualian cukai atas pendapatan berkanun perniagaan yang disebut dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat kelulusan bagi perniagaan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh membebaskan atau disifatkan telah membebaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Pendapatan berkanun

5. (1) Pendapatan berkanun dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang disebut dalam subperenggan 4(1) bagi tempoh yang disebut dalam subsubperenggan 4(2)(b) hendaklah ditentukan selepas memotong elaun-elaun yang boleh diberi mengikut Jadual 3 Akta meskipun tiada tuntutan bagi elaun itu yang telah dibuat:

Dengan syarat jika suatu aset digunakan bagi tujuan perniagaan sekolah antarabangsa di Malaysia digunakan juga bagi maksud suatu perniagaan selain perniagaan itu, maka elaun yang boleh diberi di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dikurangkan sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat mana aset itu digunakan bagi maksud perniagaan yang pertama disebut.

(2) Amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan yang disebut dalam subperenggan 4(1) tidak melebihi tujuh puluh peratus bagi setiap tahun taksiran.

(3) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun atau sekatan kadar yang ditentukan oleh Menteri dalam subperenggan (2), pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya kepada amaun sebagaimana yang ditentukan yang berhak didapatkan oleh orang yang layak di bawah subperenggan 4(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada amaun itu yang tidak boleh dikecualikan bagi tahun taksiran itu hendaklah dikecualikan bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang terdapat pendapatan berkanun daripada perniagaan itu, dan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya sehinggalah keseluruhan amaun yang ke atasnya ia berhak sedemikian dikecualikan.